

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

**From:** Pusat Budaya dan Seni -PBS  
**Sent:** Thursday, April 20, 2017 8:59 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** UUM Buskers Battle Medan Tonjol Bakat Mahasiswa



(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

20 APRIL 2017, KHAMIS | 23 REJAB 1438H



**HEP:** Universiti bukan sahaja serius dalam pembangunan modal insan, malah menyediakan pelbagai pelan tindakan serta program untuk dilaksanakan terhadap golongan sasaran secara berterusan.

Penekanan dan fokus kepada golongan remaja diperhebatkan melalui perhatian serta usaha membangunkan modal insan secara berterusan kepada mahasiswa.

Sehubungan itu, Pusat Budaya dan Seni (PBS) mengambil inisiatif menganjurkan UUM Buskers Battle yang berlangsung pada 18 April baru-baru ini di Dataran Budaya.

Menurut Pengarah PBS Huzaidy Hussain, program itu bukan sahaja untuk mengenal pasti potensi mahasiswa, malah turut berusaha mengembangkan bakat mereka ke peringkat lebih tinggi.

Katanya, kita bukan sahaja membimbing generasi ini dalam bidang akademik sebagai teras asas pembelajaran, tetapi memberi perhatian terhadap perkembangan fizikal dan emosi bagi melahirkan individu seimbang.

“Program ini juga memberi galakan kepada mahasiswa supaya terus bergiat secara konsisten dan komited dalam kegiatan kebudayaan dan kesenian.

“Saya pasti program seperti ini menjadi peransang kepada mahasiswa untuk mendekatkan diri dalam seni dan budaya apabila berada dalam masyarakat”, jelasnya.

Menurut Pengarah Projek Mohammad Haris Abd Azis, program seperti ini adalah langkah yang positif dalam memberi ruang dan peluang kepada mahasiswa menunjukkan bakat dalam bidang muzik di samping mewujudkan semangat berpasukan dalam kalangan ahli kumpulan.

“Program ini juga diadakan bertujuan menggalakkan mahasiswa berkomunikasi dan berinteraksi bagi memupuk sikap hormat-menghormati dan perpaduan kaum dalam kalangan warga kampus.

UUM Buskers Battle dimenangi oleh Kumpulan Cheezy Wadges Cheese Lebih. Manakala naib johan disandang oleh Kumpulan 7.9 dan tempat ketiga oleh Kumpulan Fire Flies.

Mereka masing-masing berjaya membawa pulang hadiah wang tunai dan sijil penyertaan.

Turut hadir pada malam itu menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Pengerusi Majlis Pengetua-Pengetua Inapan Siswa Dr. Muhammad Muhaizam Musa.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI  
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
TEL : 04-928 4215  
FAKS : 04-928 4222  
EMAIL : [pbs@uum.edu.my](mailto:pbs@uum.edu.my)  
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.